

Headline	Bank Islam terima anugerah GIFA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 10,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,507



# Bank Islam terima anugerah GIFA

» Diiktiraf Kes Kewangan Islam Terbaik 2014 bukti transformasi berjaya

Oleh Shahrizan Salian

**B**ank Islam Malaysia menerima anugerah berprestij 'Kes Kewangan Islam Terbaik 2014' pada Majlis Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) yang berlangsung di Emiriah Arab Bersatu (UAE), baru-baru ini.

Anugerah berkenaan diberikan kepada Bank Islam dan Institut Kewangan Islam sebagai pengiktirafan terhadap amalan terbaik bank itu yang diketengahkan oleh institut berkenaan.

Penghargaan itu juga adalah satu pengiktirafan terhadap usaha Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat dalam transformasi bank berkenaan menjadi antara peserta utama dalam industri kewangan Islam.

Bercakap pada majlis penyampaian anugerah berkenaan yang diadakan di The H Dubai, UAE, Zukri berkata,

pengiktirafan itu adalah bukti usaha berterusan bank dalam mengubah landskap kewangan Islam untuk menjadi lebih baik.

#### Catat kemajuan

"Kami amat berbesar hati kerana diiktiraf untuk kerja yang dilaksanakan. Sejak bermula transformasi Bank Islam pada tahun 2007, kami mencatat kemajuan yang memuaskan dan ketara dalam mencapai cita-cita untuk menjadi pemimpin global dalam perbankan Islam.

"Ia juga satu pengiktirafan kepada semua kakitangan Bank Islam yang bekerjasama sebagai satu pasukan dan menunjukkan komitmen serta visi bersama bagi memastikan kami berada di landasan betul ke arah mencapai matlamat dalam perjalanan kumpulan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada majlis penganugerahan

berasingan, Bank Islam juga menerima anugerah Top Merchant Acquirer for B2C daripada Malaysian Electronic Corporation Sdn Bhd (MyClear).

Anugerah itu adalah pengiktirafan berikutan prestasi cemerlang Bank Islam yang berjaya mencatatkan pertumbuhan lebih daripada 15 peratus dalam jumlah transaksi FPX B2C berbanding tahun lalu.

Jumlah rakan niaga Bank Islam juga meningkat 10 kali ganda berbanding tahun 2012.

Anugerah itu diterima oleh Ketua Pegawai Operasi Bank Islam, Datuk Norasni Ayob, pada majlis Anugerah Pengiktirafan Bank dan Rakan Niaga Utama di ibu negara, baru-baru ini.

Headline	Bank Islam terima anugerah GIFA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 10,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,507



Zukri (kiri) **menerima Anugerah Kes Kewangan Islam Terbaik 2014** bersama wakil dari Asian Institute of Finance di UAE, semalam.  
[FOTO IKHWAN MUNIR/BH]